

**UCAPAN BAJET TAHUN 2017**  
**OLEH**  
**YBHG. DATO' MAIMUNAH MOHD SHARIF**  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

**25 OGOS 2016**

**“SEBERANG PERAI INKLUSIF, SELAMAT,  
RESILIENT DAN MAMPAN  
(SEBERANG PERAI INCLUSIVE, SAFE,  
RESILIENT AND SUSTAINABLE)”**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

Ahli Majlis-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, rakan-rakan media, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

**Pendahuluan**

1. Izinkan saya mohon mencadang supaya suatu Bajet Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi tahun 2017 dibentang untuk ditimbang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Majlis Penuh pada pagi ini.

2. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan rahmat serta izin-Nya yang membolehkan kita berkumpul pada pagi Khamis yang mulia ini untuk saya membentangkan bajet kali ke-enam, Bajet MPSP Tahun 2017 semenjak memegang amanah selaku Yang Dipertua pada tahun 2011.
  
3. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan semua Ahli Majlis yang telah memberikan sokongan dan kerjasama dalam setiap program yang dilaksanakan. Sokongan dan kerjasama ini adalah penting dan diharapkan ianya berterusan supaya semua dasar dan program-program yang direncanakan akan lebih berkesan serta memberi manfaat kepada warga Seberang Perai.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

**Jeruk Pak Ali sedap rasanya  
Enak dimakan di mana saja  
Keperluan dinilai, bajet dirangka,  
Ke arah Seberang Perai yang lebih ternama**

**Tema Bajet 2017**

4. Tema “**Seberang Perai Inklusif, Selamat, *Resilient* dan Mampan (*Seberang Perai Inclusive, Safe, Resilient and Sustainable*)**” dipilih untuk tahun 2017 adalah untuk

memastikan Bajet 2017 adalah memenuhi keperluan semua penduduk selaras dengan proses Bajet Responsif Gender dan Partisipatori (*Gender Responsive and Participatory Budgeting – GRPB*) yang telah kita lalui. Tema ini juga adalah selaras dan seiring dalam usaha untuk mencapai visi menjadikan “**Seberang Perai yang lebih bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan dan pelancongan menjelang 2018**”.

5. Bajet Tahun 2017 telah dirangka secara komprehensif dengan bertujuan menjadi pemangkin bagi mendepani persekitaran ekonomi, sosial dan pembangunan yang semakin mencabar. Ia juga menuntut satu perancangan yang teliti agar program dan aktiviti yang direncanakan dapat memenuhi keperluan dan kehendak warga Seberang Perai.
6. Elemen yang diberi keutamaan di dalam merencana Bajet Tahun 2017 adalah kepekaan serta keprihatinan MPSP kepada keperluan penduduk Seberang Perai dan seterusnya menjadi inisiatif serta penyelesaian segera yang berkesan terhadap isu dan permasalahan yang dibangkitkan oleh orang awam. Justeru itu, isu serta permasalahan terutamanya berkaitan penyelenggaraan jalan raya dan lalu lintas, prasarana kemudahan awam, kebersihan, penguatkuasaan dan keselamatan telah diberi tumpuan di dalam Bajet Tahun 2017.

7. MPSP berusaha untuk memberikan kehidupan yang terbaik kepada warga Seberang Perai dengan berlandaskan 17 matlamat pembangunan mampan atau '**Sustainable Development Goals**' terutamanya matlamat no. 11 iaitu menjadikan perbandaran dan penempatan inklusif, selamat, *resilient* dan mampan (**Sustainable Development Goals 11 – make cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable**) bagi mencapai keperluan dan kehendak komuniti setempat. Seberang Perai inklusif, selamat, *resilient* dan mampan adalah selaras dengan prinsip Kerajaan Negeri untuk menjadikan negeri Pulau Pinang lebih bersih, lebih hijau, lebih selamat dan lebih sihat.
  
8. Selain daripada memberi tumpuan kepada usaha menyediakan perkhidmatan perbandaran dan tadbir urus yang efektif dan efisien bagi meningkatkan kesejahteraan warga Seberang Perai, peruntukan yang disediakan juga adalah mengikut kemampuan kewangan semasa MPSP berteraskan kepada prinsip "**value for money**" iaitu mendapat pulangan terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.
  
9. MPSP akan menaik taraf perkhidmatan dengan memberikan perkhidmatan asas dan kerjasama yang erat dengan Kerajaan Negeri untuk membantu dalam penyediaan keperluan penduduk seperti perumahan, akses, mobiliti, amuniti, kawasan rekreasi dan lain-lain. Majlis berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan dengan memberikan perhatian dan keperluan terutamanya

kepada wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga tua dengan melaksanakan pembangunan yang inklusif dan mematuhi '*universal design principle*'.

10. Tema Bajet 2017 adalah "**Seberang Perai Inklusif, Selamat, Resilient dan Mampan (Seberang Perai Inclusive, Safe, Resilient and Sustainable)**" menggambarkan bahawa MPSP akan terus komited bagi memastikan warga Seberang Perai dapat mengecapi kesejahteraan dengan suasana persekitaran yang ceria, bersih, selamat serta makmur dalam kepelbagaian budaya, bangsa dan agama.
11. Atas inisiatif untuk menggerakkan MPSP selari dengan perkembangan global serta tuntutan untuk mewujudkan komuniti mampan, program-program yang dirancang dalam Fokus MPSP serta Pelan Strategi MPSP 2014 hingga 2018 telah berupaya untuk memberikan sumbangan besar ke arah meningkatkan kualiti kehidupan penduduk Seberang Perai secara komprehensif.
12. MPSP juga akan memberikan fokus terhadap isu keselamatan, mobiliti dan aksesibiliti, kemudahan untuk orang kurang upaya (OKU) dan mempertingkatkan mutu penguatkuasaan undang-undang serta menambah baik proses penyampaian perkhidmatan.

### Prestasi Kewangan MPSP

13. Di kesempatan ini juga, ingin saya menzahirkan rasa kesyukuran dan puas hati dengan pencapaian prestasi kewangan MPSP pada tahun 2015 yang memberangsangkan. Prestasi Kewangan 2015 yang telah diaudit dan bakal dibentangkan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang menunjukkan pencapaian yang positif. Prestasi pendapatan telah meningkat sebanyak **12.13%** iaitu **RM236.27 juta** pada tahun 2015 dengan peningkatan jumlah pendapatan sebanyak **RM25.57 juta** berbanding pendapatan tahun 2014 sebanyak **RM210.70 juta** manakala jumlah perbelanjaan yang dilaporkan pada tahun 2015 adalah sebanyak **RM236.08 juta** berbanding pada tahun 2014 iaitu **RM210.53 juta** (meningkat sebanyak **RM25.54 juta** atau **12.13%**). MPSP mendapat **lebih** sebanyak **RM0.19 juta**.
14. Kadar peningkatan dalam jumlah perbelanjaan dalam tempoh dua tahun tersebut tidaklah terlalu signifikan jika dibandingkan dengan kadar peningkatan pendapatan. Senario ini menjadi pemangkin untuk MPSP bergerak lebih produktif dan efisien terutamanya dalam menguruskan hal-hal kewangan.
15. MPSP sentiasa berusaha menguruskan aspek kewangan secara berkesan dan teratur di mana bagi tahun kewangan 2015, MPSP sekali lagi dianugerahkan Sijil Bersih (Tidak Berteguran) oleh Ketua Audit Negara. Ketua Audit Negara dalam laporannya bertarikh 22 Julai 2016 menyatakan bahawa Penyata Kewangan

MPSP telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan MPSP pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

16. Setelah mengambil kira faktor utama untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada warga Seberang Perai, bajet ini disediakan bukan sahaja untuk melaksanakan program dan aktiviti operasi tetapi juga kesinambungan kepada projek-projek pembangunan 2016 demi kepentingan umum terutamanya warga penduduk Seberang Perai.
17. MPSP terus komited untuk melaksanakan pengurusan kewangan yang berhemah bagi memastikan kedudukan kewangan terus kukuh. Bagi mencapai tujuan tersebut, MPSP akan memastikan kawalan terhadap perbelanjaan mengurus diperketatkan melalui pengawalan dan pemantauan pelaksanaan program dan aktiviti, melaksanakan langkah-langkah penjimatan, mengelakkan pembaziran dan memastikan pengurusan kewangan yang cekap.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

**Bajet Responsif Gender dan Partisipatori (*Gender Responsive and Participatory Budgeting – GRPB*)**

18. Bajet MPSP 2017 yang dibentangkan pada pagi ini telah melalui proses penelitian dan penyediaan serta telah memberi perhatian terhadap input-input, pandangan serta kehendak dan aspirasi warga Seberang Perai dan semua Ahli Majlis mengikut Proses Bajet Responsif Gender dan Partisipatori (GRPB).
  
19. Berdasarkan **Perkara 8. Analisis Gender** dalam **Pekeliling Perbendaharaan 1.3 iaitu Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2017** yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan: -
  - 8.1 Usaha kerajaan untuk mengarusperdanakan gender sebagai langkah ke arah kesaksamaan gender dalam perancangan dan pembangunan negara mestilah dizahirkan dalam bentuk bajet gender. Setiap kementerian dan agensi diwajibkan menggunakan analisis gender sebagai satu perspektif dalam analisis keperluan pelanggan. Hal ini kerana analisis gender mengambil kira impak bajet terhadap kumpulan sasaran dengan lebih telus dan menyeluruh (jantina, kanak-kanak lelaki dan wanita, kumpulan umur, pendidikan, pendapatan, bandar dan luar



bandar). Penekanan terhadap analisis gender adalah perlu dalam setiap perancangan dan aktiviti.

8.2 Isu-isu gender terutama yang berkaitan pembangunan perlu dikaitkan dengan keperluan pelanggan dan KPI kementerian/agensi.

8.3 Analisis keperluan pelanggan dan KPI yang ditentukan oleh kementerian/agensi mesti berasaskan data mengikut pecahan jantina (*sex-disaggregated data*) sebagaimana diarahkan oleh Ketua Setiausaha Negara melalui surat bertarikh 16 Oktober 2008. Bagi tujuan ini, kementerian/agensi perlu mengemaskini data dari masa ke semasa bagi membantu proses penyediaan, penilaian prestasi dan penyediaan laporan bajet.

20. Ini memberi gambaran bahawa penyediaan bajet tahunan hendaklah mengambil kira keperluan mengikut kumpulan gender yang berbeza bagi memastikan pengagihan dan penyediaan peruntukan kewangan akan memberi impak dan output yang memuaskan hati semua pihak. Data pecahan jantina (**sex disaggregated data**) pula merupakan data yang penting dalam penyediaan bajet.


21. Dengan mengaplikasikan bajet gender, MPSP akan melibatkan komuniti atau wakil penduduk Seberang Perai dalam menyediakan bajet tahunan. Dengan menggunakan pendekatan

ini, penduduk akan lebih menghargai setiap perancangan pembangunan atau projek yang dijalankan.

22. MPSP telah mengadakan **Soal Selidik Bajet 2017** yang bermula daripada **1 Januari 2016 hingga 29 Februari 2016**. Soal selidik tersebut telah dipaparkan secara *online* di laman web MPSP dan juga borang soal selidik telah diedar kepada warga Seberang Perai melalui program-program Majlis seperti senamrobik, Car Free Morning, ADUN-ADUN, Ahli Majlis-Ahli Majlis, Briged-Briged Wanita, PWDC dan di kompleks-kompleks membeli belah bagi memastikan soal selidik dibuat secara menyeluruh di semua peringkat akar umbi dan keputusan kajian menggambarkan keseluruhan impian dan hala tuju warga Seberang Perai.
  
23. Soal Selidik Bajet 2017 telah dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil supaya maklumbalas daripada responden pelbagai bangsa dapat diperolehi. Jumlah responden yang menyertai soal selidik adalah sebanyak **4,278 responden** iaitu **4,077 responden** melalui **borang** dan **201 responden** melalui **online**. **Bilangan responden perempuan meningkat sedikit dari responden lelaki** sebanyak **4.6%** berbanding tahun 2016 iaitu bilangan responden perempuan sebanyak **52.3%** manakala bilangan responden lelaki sebanyak **47.7%**. Ini menunjukkan bahawa wanita semakin berani di dalam mengeluarkan

pendapat serta cadangan bagi menambahbaik perkhidmatan Majlis.

24. Hasil kajian soal selidik bajet ini telah dianalisa dan telah dibawa untuk perbincangan yang lebih mendalam melalui **Sesi ‘Town Hall’ Dialog Bajet MPSP 2017** yang telah diadakan pada 26 Mac 2016 di Hotel Ixora, Perai.
25. Sesi ‘Town Hall’ kali ini mengambil pendekatan perbincangan di dalam kumpulan mengikut fokus yang telah ditetapkan. Tahap keutamaan responden ke atas perkhidmatan MPSP untuk tahun 2017 adalah: -



25.1 **Kebersihan** - **27%** *stakeholder* telah menyatakan bahawa MPSP perlu memberikan keutamaan (*priority*) kepada kebersihan dalam penyediaan bajet tahun 2017 berbanding dengan tahun 2016 iaitu **26%**,

- 25.2 **Infrastruktur & Kemudahan Awam** - **16%** *stakeholder* telah berpendapat bahawa bajet MPSP tahun 2017 perlu diberi perhatian kepada infrastruktur dan kemudahan awam berbanding dengan tahun 2016 iaitu **15%**.
- 25.3 Manakala **Kawalan Banjir** - keutamaan untuk bajet tahun 2017 adalah **13%** berbanding dengan tahun 2016 iaitu **14%**,
- 25.4 **Keselamatan & Lalulintas** pula - keutamaan untuk bajet tahun 2017 adalah **tidak berubah** dengan tahun 2016 iaitu **13%**,
- 25.5 Bagi **Pengindahan & Kehijauan** - keutamaan untuk bajet tahun 2017 adalah **12%** berbanding dengan tahun 2016 iaitu **13%**,
- 25.6 Untuk **Penguatkuasaan Undang-Undang** - keutamaan untuk bajet tahun 2017 adalah **tidak berubah** dengan tahun 2016 iaitu **10%** dan
- 25.7 **Penglibatan Komuniti** - *stakeholder* menyatakan keutamaan bajet tahun 2017 adalah **tidak berubah** dengan tahun 2016 iaitu **9%**.
26. Dengan adanya borang soal selidik serta Sesi “Town Hall” bajet MPSP ini, secara tidak langsung ianya menunjukkan bahawa

tahap penglibatan komuniti di MPSP dilihat sudah menunjukkan peningkatan yang baik. Sesungguhnya MPSP amat menghargai penglibatan, pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh warga Seberang Perai dalam merangka bajet tahunan MPSP. MPSP sentiasa bergerak seiring dengan keperluan penduduk Seberang Perai.

27. MPSP akan menginstitusikan GRPB dengan melaksanakan empat (4) Pilot projek iaitu: -

27.1 Projek Keselamatan di PPR Ampangan,

27.2 Projek Naik Taraf Taman Tunku, Seberang Jaya,

27.3 Projek Kontrak Pembersihan di Pulau Aman dan

27.4 Projek Naik Taraf Kompleks Penjaja Lebu Kurau 2, Taman Chai Leng.

### **Dasar Bajet 2017**

28. Dasar Bajet 2017 ialah untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada warga Seberang Perai dengan menyediakan pengurusan perbandaran yang lebih selamat, lebih bersih, lebih hijau dan lebih sihat yang responsif kepada komuniti Seberang Perai. Dasar yang digubal dan dilaksanakan di MPSP adalah

menjurus kepada usaha-usaha untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada warga Seberang Perai.

29. MPSP sentiasa menumpukan usaha-usaha ke arah pengukuhan kedudukan kewangan sejak beberapa tahun yang lalu. Ini adalah satu usaha penting supaya kesinambungan perkhidmatan berkualiti kepada warga Seberang Perai terus terjamin.
30. Usaha-usaha menarik kemasukan pelabur dari dalam dan luar negara yang dilaksanakan secara berterusan oleh Kerajaan Negeri ke Seberang Perai banyak membantu dalam menambah pendapatan MPSP. MPSP juga telah berusaha menyediakan infrastruktur & prasarana yang berkesan dalam menarik minat pelabur untuk datang melabur di Seberang Perai.
31. MPSP dengan kerjasama Think City mengorak langkah mewujudkan kolaborasi dua hala dalam memangkin pertumbuhan semula bandar Butterworth. Kajian dan perancangan Bandar Butterworth telah dilaksanakan dengan mewujudkan Pelan Butterworth Baharu sebagai satu garis panduan bagi pembangunan semula bandar. Pelan ini diharapkan membawa perubahan dan penambahbaikan yang dinamik di bandar Butterworth.
32. Pada tahun 2017, MPSP akan terus melaksanakan program-program untuk meremajakan Bandar Bukit Mertajam serta memberi komitmen yang tinggi dalam pembangunan Eco-City di Batu Kawan. MPSP juga memberi fokus kepada eko-

pelancongan dalam memelihara aset semulajadi di Seberang Perai seperti *bird watching* dan pemuliharaan tempat-tempat warisan.

### **Teras Bajet 2017**

33. MPSP juga turut terkesan dengan keadaan persekitaran ekonomi yang tidak menentu, nilai matawang yang rendah, ketiadaan peruntukan mengurus daripada kerajaan serta sumber hasil MPSP yang terhad. Walau bagaimanapun, MPSP akan terus komited untuk memastikan Seberang Perai menjadi sebuah bandar yang mampan dengan persekitaran yang kondusif serta inklusif infrastruktur dan prasarana untuk warga Seberang Perai.
34. Seiring dengan dasar yang ingin dilaksanakan dalam tahun 2017, maka MPSP telah merencanakan tiga (3) teras utama dalam Bajet 2017 iaitu: -

**Teras Pertama: Persekitaran Yang Inklusif, Selamat, *Resilient* dan Mampan**

**Teras Kedua: Urus Tadbir Yang Mantap**

**Teras Ketiga: Fiskal Yang Kukuh**

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

**TERAS PERTAMA:  
PERSEKITARAN YANG INKLUSIF, SELAMAT,  
RESILIENT DAN MAMPAN**

35. Bajet 2017 adalah lebih mencabar dengan memberi tumpuan kepada tujuh (7) bidang keberhasilan utama (**Key Result Area - KRA**) yang merupakan teras perkhidmatan kepada warga Seberang Perai. Ianya juga selari dengan pandangan warga Seberang Perai yang telah dinyatakan dalam Soal Selidik Bajet 2017 yang telah dijalankan oleh MPSP.
36. Fokus keberhasilan utama berkenaan adalah: -
- 36.1 Program dan aktiviti **Pembersihan** dengan anggaran perbelanjaan sebanyak **RM98.84 juta**,
  - 36.2 Pengurusan **Keselamatan & Lalu Lintas** yang efisien dengan anggaran perbelanjaan sebanyak **RM17.04 juta**,
  - 36.3 Penyediaan **Infrastruktur & Kemudahan Awam** Majlis sebanyak **RM11.32 juta**,
  - 36.4 Meningkatkan usaha mengawal **banjir** sebanyak **RM10.43 juta**,
  - 36.5 **Penguatkuasaan Undang-Undang** sebanyak **RM4.53 juta**,



36.6 **Pengindahan & Kehijauan** sebanyak **RM4.8 juta** dan

36.7 Meningkatkan perkhidmatan dan **penglibatan komuniti** sebanyak **RM2.61 juta**.

### **Seberang Perai Yang Lebih Bersih**

37. Suasana persekitaran yang bersih, indah dan selesa amat penting bagi menjadikan Seberang Perai sebagai tempat pelancongan menjelang 2018, MPSP telah memperuntukkan **35.4%** atau **RM98.84 juta** daripada keseluruhan peruntukan perbelanjaan 2017 bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan pelupusan sisa pepejal. Tahap keutamaan ke atas perkhidmatan MPSP menunjukkan kebersihan menjadi keutamaan warga Seberang Perai. Semua kerja-kerja pembersihan di seluruh kawasan Seberang Perai dilaksanakan sendiri oleh MPSP.

38. Kos yang terlibat bagi menjadikan Seberang Perai lebih bersih adalah bayaran emolument kakitangan seramai 2,469 orang, kos pelupusan sampah di Pulau Burung, kos pemindahan dan pengangkutan sampah di Ampang Jajar, sewaan tong sampah, sewaan GPS kenderaan, menaik taraf depoh-depoh berjumlah **RM1.08 juta**, pembelian peralatan dan mesin dan kempen-kempen kesedaran serta pendidikan.

39. Dasar terbaru yang telah dilancarkan di Negeri Pulau Pinang adalah Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang telah bermula pada 1 Jun 2016. Semua premis diwajibkan untuk mengasingkan sisa sekurang-kurangnya kepada dua aliran iaitu sisa kitar semula kering dan sisa baki. Jumlah kutipan sampah yang diperolehi hasil daripada Pengasingan Sisa Di Punca pada bulan Jun dan Julai adalah sebanyak 25,472 kilogram dan sejumlah RM5,335 dapat diijamatkan daripada program tersebut.
40. Di sini, saya menyeru agar seluruh warga Seberang Perai bersama-sama MPSP untuk menjaga dan meningkatkan kebersihan di Seberang Perai.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

### **Seberang Perai Lebih Selamat**

41. Dengan mementingkan konsep Bandar Selamat serta ke arah menjadikan Seberang Perai bandar yang efisien dengan sistem pengangkutan dan perhubungan yang komprehensif dan strategik serta praktikal, MPSP memperuntukkan sejumlah **RM17.04 juta** atau **6.1%** daripada keseluruhan peruntukan perbelanjaan 2017. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM2 juta** diperuntukkan bagi penyewaan CCTV yang telah dipasang di seluruh Seberang Perai. Pemasangan CCTV adalah bertujuan untuk menangani isu-isu jenayah atau keselamatan orang ramai serta digunakan bagi pemantauan pembuangan sampah haram, penjaja haram, keadaan trafik dan lalu lintas dan parkir. MPSP

juga memperuntukkan sejumlah **RM2.5 juta** bagi pemasangan dan penyelenggaraan lampu-lampu jalan.

42. MPSP memperuntukkan sejumlah **RM9.33 juta** pada tahun 2017 bagi pembayaran bil-bil lampu awam. Sebanyak **RM200,000** diperuntukkan bagi penyelenggaraan lampu isyarat, pondok bas, tempat letak kereta dan papan tanda lalu lintas. MPSP telah melantik syarikat kawalan keselamatan bagi memastikan keselamatan bangunan-bangunan dan premis-premis MPSP terjamin. Untuk tujuan tersebut sebanyak **RM1.5 juta** telah disediakan dalam bajet 2017.
43. Penyelenggaraan jalan raya di kawasan pentadbiran MPSP juga akan dilaksanakan secara berjadual bagi memberikan keselesaan kepada warga Seberang Perai. Sehingga Julai 2016, MPSP telah membelanjakan wang dari Kumpulanwang Penyelenggaraan Jalan (MARRIS) sebanyak **RM27.81 juta** untuk kerja-kerja selenggara dan pembaikan jalan raya di seluruh Seberang Perai. MPSP dari semasa ke semasa akan terus mengemaskini data jalan dalam sistem MARRIS bagi mendapatkan lebih peruntukan pada tahun-tahun akan datang.

### **Mempertingkatkan Infrastruktur Dan Kemudahan Awam**

44. Dalam usaha meningkatkan kualiti kemudahan awam demi memastikan warga Seberang Perai menikmati kualiti hidup yang lebih tinggi, sebanyak **RM11.32 juta** atau **4.1%** pada tahun 2017

berbanding pada tahun 2016 sebanyak **RM8.55 juta** atau **3.4%** telah diperuntukkan merangkumi pembayaran bil utiliti, penyelenggaraan pasar-pasar awam dan kompleks makanan sebanyak **RM1.45 juta**, pembinaan paun anjing sebanyak **RM500,000** akan dibuat bagi merealisasikan program anjing terbiar sifar (2014 – 2018), penyelenggaraan dan pembaikan kompleks sukan sebanyak **RM1.07 juta** dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang berkaitan dengan kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam MPSP.

45. MPSP akan menaik taraf Dewan Dato Hj Ahmad Badawi sebanyak **RM500,000** bagi memberi keselesaan dan kemudahan kepada penduduk Seberang Perai. Sejumlah **RM10,000** telah diperuntukkan bagi pemasangan sensor untuk kemudahan awam seperti di tandas awam.
46. Selain menggunakan peruntukan MPSP bagi tujuan ini, MPSP juga menggunakan Wang Sumbangan Menggantikan Penyediaan Kemudahan Awam sebanyak **RM1.85 juta** pada tahun 2017 untuk tujuan penyediaan kemudahan infrastruktur seperti naik taraf kompleks makanan dan pasar awam serta penyediaan kemudahan awam yang lain kepada warga Seberang Perai mengikut perancangan yang telah dibuat.
47. MPSP juga tidak ketinggalan dalam memberikan perhatian kepada warga Orang Kurang Upaya (OKU) dalam perancangan Bajet 2017 dengan memperuntukkan sebanyak **RM150,000** bagi

projek menaik taraf kemudahan awam sedia ada untuk memberi keselesaan dan kemudahan kepada warga OKU.

### **Mitigasi Banjir**

48. MPSP komited dalam menangani cabaran banjir dengan perancangan-perancangan yang dapat meminimakan kejadian banjir. Pada tahun 2017, sebanyak **RM10.43 juta** atau **3.7%** telah diperuntukkan dari keseluruhan peruntukan perbelanjaan. Sejumlah **RM7.5 juta** telah diperuntukkan bagi merangkumi kerja-kerja penyelenggaraan parit monsun dan kolam takungan, penyelenggaraan rumah pam dan kawalan banjir pula adalah sebanyak **RM0.25 juta** dan penyelenggaraan di kawasan perindustrian adalah sebanyak **RM1.7 juta**.
49. Selain menggunakan peruntukan MPSP, projek serta rancangan bagi kawalan banjir juga akan menggunakan peruntukan Wang Caruman Pamaritan yang akan dipohon melalui Jawatankuasa Tebatan Banjir di peringkat Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Seberang Perai serta mengelakkan kerosakan harta benda dan mengurangkan masalah sistem pengairan yang tidak efisien.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

**Meningkatkan Kesedaran Warga Seberang Perai Serta Penguatkuasaan Undang-Undang**

50. Bagi mempertingkatkan keselamatan awam agar kualiti hidup warga Seberang Perai lebih terjamin, MPSP sentiasa mencari kaedah serta pendekatan yang lebih efektif dalam meningkatkan kesedaran penduduk Seberang Perai. Sebanyak **RM4.53 juta** atau **1.6%** diperuntukkan bagi menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan yang lebih efisien di seluruh Seberang Perai.
51. Peruntukan sejumlah **RM0.35 juta** disediakan untuk perbelanjaan undang-undang manakala **RM0.7 juta** untuk mencetak tiket ber kupon untuk tempat letak kereta awam. Pada tahun 2017, sebanyak **RM0.5 juta** disediakan bagi pembinaan stor sitaan yang baru bagi menempatkan barang-barang rampasan selepas tindakan penguatkuasaan dijalankan.
52. **RM0.9 juta** juga disediakan bagi program pungutan dan kutipan cukai yang merangkumi kerja-kerja pencetakan bil cukai taksiran, Notis E taksiran, notis peringatan dan waran tahanan serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan pungutan tunggakan cukai taksiran.

### Pengindahan & Kehijauan Seberang Perai

53. MPSP diberi amanah untuk mengindah dan menceriakan Seberang Perai agar dapat dinikmati dan dirasakan oleh penduduk Seberang Perai. Di samping itu, ia juga dijadikan kawasan rekreasi dan kemudahan riadah untuk semua peringkat umur.
54. Oleh itu, MPSP telah memperuntukkan sejumlah **RM2 juta** bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pengindahan landskap, memaju, membersihkan dan memperelok am adalah sebanyak **RM0.7 juta** serta membina tempat-tempat rekreasi awam dan sukan berjumlah **RM0.57 juta**. Keseluruhan peruntukan yang disediakan untuk pengindahan dan kehijauan adalah sebanyak **RM4.8 juta** untuk tahun 2017.
55. MPSP juga akan menggunakan Wang Sumbangan Menggantikan Kemudahan Awam (Tanah Lapang) sebanyak **RM500,000** pada tahun 2017 bagi menceriakan lagi kawasan persekitaran Seberang Perai.
56. MPSP telah mengadakan perjumpaan bersama UN HABITAT pada bulan ini bagi membincangkan projek 4P's yang akan dilaksanakan bersama UN HABITAT. Ini dapat menarik pelancong untuk datang ke Seberang Perai. MPSP amat mengalu-alukan syarikat-syarikat dan badan-badan korporat dalam melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti yang akan menyumbang ke arah Seberang Perai yang lebih indah

dan hijau melalui program “**4P’s: Public-Private People Partnership**”.

57. Di dalam meremajakan semula Bandar Bukit Mertajam, MPSP dengan kerjasama City of Yokohama telah mengadakan Bengkel Pembangunan Bandar Bukit Mertajam selama 5 hari pada 1 hingga 5 Ogos yang lalu.

### **Penglibatan Komuniti dan Inklusif**

58. Peranan MPSP bukan hanya menumpukan kepada pembangunan fizikal semata-mata malahan MPSP juga bertanggungjawab di dalam mempertingkatkan penglibatan komuniti warga Seberang Perai. Bagi melahirkan modal insan yang memiliki ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai moral yang tinggi, pelbagai aktiviti dirancang termasuklah melaksanakan program khas bersama komuniti, aktiviti pembangunan sosial dan aktiviti gotong royong yang dapat memupuk semangat toleransi, harmoni dan saling bekerjasama di antara masyarakat yang berbilang budaya, bangsa dan agama.
59. Ahli Majlis-Ahli Majlis juga telah diberi peranan bagi menggerakkan projek komuniti di kawasan masing-masing dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM1.68 juta** atau sejumlah **RM70,000** bagi setiap Ahli Majlis. Bagi tahun 2017, MPSP telah memperuntukkan sebanyak **RM45,000** bagi Program Karnival Haiwan Kesayangan serta **RM90,000** bagi Program Anjing



Terbiar Sifar (2015-2018). Ini adalah program kerjasama di antara MPSP dengan UMK (Universiti Malaysia Kelantan) yang bermula sejak Februari 2016 dalam membantu mengurangkan populasi anjing terbiar melalui konsep pemandulan anjing.

60. MPSP dari masa ke semasa menjalankan kerjasama yang erat dengan *Penang Women Development Corporation (PWDC)* dalam melaksanakan program-program yang melibatkan komuniti di Seberang Perai terutamanya dalam mengurus perdanakan isu gender serta meningkatkan dan menggalakkan penyertaan rakyat dalam penyediaan bajet MPSP.
61. Kerjasama ini telah bermula sejak tahun 2012 dan kini telah memasuki tahun ke-lima usahasama dijalankan. Dengan kejayaan di PPR Ampangan sebagai projek perintis GRPB, MPSP terus komited bagi menyalurkan dana sebanyak **RM200,000** setahun kepada PWDC bagi menjalankan aktiviti-aktiviti jangka pendek dan jangka panjang yang telah dirancang.
62. Keseluruhan bajet untuk penglibatan komuniti adalah sebanyak **RM2.62 juta** atau **1.0%** untuk tahun 2017. Diharapkan dengan pelbagai program dan aktiviti yang dijalankan bersama komuniti akan menjadikan Seberang Perai lebih cemerlang dan ternama di masa hadapan.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

**TERAS KEDUA:  
URUS TADBIR YANG MANTAP**

**Pencapaian MPSP**

63. MPSP telah mendapat pelbagai pengiktirafan di dalam dan di luar negara hasil dari keberkesanan penyampaian perkhidmatan MPSP kepada *stakeholder*. Seperti yang telah kita sedia maklum, MPSP telah disenaraikan dalam ***The Malaysia Book Of Records*** sebagai Pihak Berkuasa Tempatan pertama yang telah berjaya mendapat lima (5) persijilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti pada tahun 2015.
  
64. Walaubagimanapun, pada 23 Mac 2016, MPSP telah mendapat persijilan baru bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO 27001:2013 (ISMS). MPSP telah disenaraikan semula dalam ***The Malaysia Book Of Records*** sebagai Pihak Berkuasa Tempatan pertama yang telah berjaya mendapat enam (6) persijilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti. MPSP juga merupakan PBT pertama yang melaksanakan sistem pengurusan kualiti berintegrasi.
  
65. MPSP telah mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di atas pencapaian MPSP mendapat tempat kedua dalam Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) bagi kategori

Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan. Projek inovasi yang telah dikemukakan oleh MPSP bagi Anugerah Inovasi Sektor Awam adalah Sistem Pemantauan Pintar (SPP), Perkhidmatan Kaunter Multiskills, *Professional Sniper Gadget* (PSG) dan *Self Managed Recycle Center* (SMRC). MPSP telah mendapat pengiktirafan Bandar Mampan pada tahun 2015 di bawah program MurniNet.

66. MPSP sentiasa komited dalam usaha menambahbaik perkhidmatan yang berkualiti di samping menaikkan nama MPSP di peringkat antarabangsa selaras dengan hasrat Y.A.B Ketua Menteri Pulau Pinang untuk meletakkan dan menaikkan nama Pulau Pinang di mata dunia.
67. Di dalam mengantarabangsakan MPSP di peringkat antarabangsa, Majlis telah menjalinkan hubungan yang baik dengan:-
  - (i) Freemantle, Australia,
  - (ii) Bandar Metropolitan Gwangju - *Human Right City*,
  - (iii) Seoul Metropolitan Government - Menandatangani MOU bersama Seoul Metropolitan Government berkenaan *Environmental Policy Exchange* dan
  - (iv) City Of Yokohama - Hubungan kerjasama dengan Bandar Yokohama, Jepun untuk menjadikan Bukit Mertajam sebagai *pilot project* atau *landmark* dari segi *urban design*. MPSP telah menandatangani perjanjian persefahaman

(MOU) dengan City of Yokohama , University of Yokohama, JICA, USM pada 20 Oktober 2015.

68. MPSP juga turut bekerjasama dengan UN Habitat untuk penyediaan *public spaces*. MPSP sentiasa dijemput untuk menjadi speaker di peringkat nasional dan antarabangsa untuk berkongsi pengalaman urus tadbir. Pelbagai inovasi atau artikel mengenai MPSP turut menjadi rujukan di peringkat antarabangsa seperti di dalam majalah *city voices*, *city scope*, *government insiders* & UN Habitat *world best practices*. Walau bagaimanapun, masih banyak ruang untuk penambahbaikan lagi dalam urus tadbir MPSP.

### **Pengurusan Perjawatan**

69. Sumber manusia atau kakitangan merupakan aset terpenting dan tenaga penggerak yang menyumbang kepada sesebuah organisasi bagi melaksanakan operasi dan aktiviti harian. Oleh itu, sejumlah **RM159.73 juta** telah diperuntukkan bagi membiayai kos emolumen termasuk gaji, bayaran-bayaran elaun perkhidmatan serta imbuhan tahunan untuk 4,317 perjawatan.
70. Jumlah peruntukan ini meningkat sebanyak **RM6.77 juta** akibat dari pelarasan gaji minimum RM1,200 yang bermula Julai 2016 dan pemberian faedah dari pemindahan gaji yang telah diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan pada Oktober 2015 yang lalu.

### Pengurusan Dan Pembangunan Modal Insan

71. Dalam mempersiapkan modal insan ke tahap berdaya maju, MPSP telah menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran dan daya inovasi kakitangan di samping menyediakan kemudahan perubatan kakitangan. Kakitangan yang mahir dan sihat mampu melahirkan tenaga kerja yang memenuhi aspirasi warga Seberang Perai.
72. Bagi tujuan ini, sejumlah **RM1.33 juta** telah diperuntukkan bagi perbelanjaan untuk menghadiri kursus, seminar, peperiksaan serta lawatan sambil belajar.

### Kebajikan Pekerja

73. MPSP amat menitikberatkan aspek kebajikan kepada pekerja dengan menyediakan pelbagai kemudahan. Bagi meringankan beban kewangan kakitangan yang menghadapi masalah kesihatan dan memerlukan rawatan berterusan, MPSP telah menyediakan peruntukan bagi perkhidmatan perubatan berjumlah **RM1.65 juta**. Bagi rawatan kesihatan pekerja dan ahli keluarga, kemudahan klinik panel disediakan kepada kakitangan dan kakitangan berkeluarga dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM1.32 juta**.
74. Pada tahun 2017, MPSP mengekalkan peruntukan sebanyak **RM400,000** bagi bayaran pampasan (*ex-Gratia*) kepada pekerja yang terlibat dalam kemalangan semasa bertugas. Ini dilakukan

bagi menyelesaikan kes-kes kemalangan serta menunjukkan komitmen majikan kepada kebajikan pekerja.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

**TERAS KETIGA:  
FISKAL YANG KUKUH**

**Bajet MPSP 2017**

**Komponen Pendapatan**

75. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik kepada warga Seberang Perai, MPSP perlu berusaha keras menambahkan hasil bagi menampung perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang bakal meningkat setiap tahun.
76. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik kepada warga Seberang Perai, MPSP perlu berusaha keras menambahkan hasil bagi menampung perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang bakal meningkat setiap tahun.
77. Dianggarkan dalam Bajet 2017, MPSP bakal memperolehi hasil sebanyak **RM257.32 juta** berbanding **RM244.81 juta** dalam tahun 2016 iaitu peningkatan sebanyak **5.11%**.
78. Seperti tahun-tahun sebelumnya, Cukai Taksiran merupakan penyumbang utama untuk hasil keseluruhan MPSP iaitu

sebanyak **RM178.85** atau **69%** daripada keseluruhan jumlah hasil MPSP. Walau bagaimanapun, anggaran **Hasil Cukai** ini hanya berjaya dicapai sekiranya 100% pembayar cukai menjelaskannya.

79. Bagi **Hasil Bukan Cukai** sebanyak **RM69.37 juta** atau **27%** dari jumlah hasil MPSP dan **Terimaan Bukan Hasil** sebanyak **RM9.1 juta** atau **4%**. Antara komponen bagi Hasil Bukan Cukai adalah terdiri daripada lesen dan permit, perkhidmatan & bayaran perkhidmatan, faedah dan perolehan dari pelaburan serta denda dan hukuman.

### **Komponen Perbelanjaan**

80. Untuk mencapai dasar bajet 2017 dan bagi melaksanakan cadangan-cadangan dari *stakeholder* dalam Sesi “Town Hall” Dialog Bajet, MPSP mencadangkan sejumlah **RM279.13 juta** peruntukan perbelanjaan di mana **RM266.62 juta** atau **95.52%** disediakan bagi Peruntukan Mengurus termasuk penambahan emolumen sebanyak **RM6.77 juta**, **RM6.60 juta** atau **2.36%** untuk Peruntukan Pembangunan dan **RM5.91 juta** atau **2.12%** untuk Peruntukan Harta Modal.

81. Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan peruntukan sebanyak **5.29%** atau **RM14.03 juta** dalam Bajet MPSP 2017 berbanding dengan bajet pada tahun 2016 iaitu **RM265.10 juta**. Peruntukan Mengurus meningkat sebanyak **5.98%** atau

**RM15.05 juta** dalam Bajet 2017 berbanding dengan **RM251.56 juta** yang diperuntukkan dalam Bajet 2016.

82. Perbelanjaan mengurus merangkumi perbelanjaan **emolumen kakitangan** sebanyak **RM86.24 juta**, **perkhidmatan dan bekalan** sebanyak **RM162.32 juta**, **pemberian dan kenaikan bayaran tetap** sebanyak **RM8.33 juta** dan **perbelanjaan-perbelanjaan lain** sebanyak **RM9.72 juta**. Perbelanjaan mengurus meningkat pada tahun 2017 antara lain disebabkan kenaikan kos emolumen termasuk kenaikan gaji tahunan kakitangan, kenaikan kos bekalan dan utiliti serta bekalan pakaian seragam bagi tambahan pekerja am dan bayaran cukai barang dan perkhidmatan (GST) sebanyak **RM2 juta**.
83. Peruntukan Pembangunan menurun sebanyak **28.62%** atau **RM2.65 juta** iaitu daripada **RM9.25 juta** dalam Bajet 2016 kepada **RM6.60 juta** dalam Bajet 2017. Penurunan peruntukan pembangunan bukan bermakna MPSP tidak memberikan penekanan kepada aspek pembangunan, penurunan ini disebabkan projek pembangunan bagi tahun 2017 akan mengguna pakai Kumpulan Wang Sumbangan yang berjumlah **RM10.78 juta**. Ini menunjukkan bahawa jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2017 adalah berjumlah **RM17.38 juta**.
84. Peruntukan Harta Modal meningkat sebanyak **37.85%** atau **RM1.62 juta** dalam Bajet 2017 berbanding Bajet 2016 yang



diperuntukkan sebanyak **RM4.29 juta**. Peningkatan ini disebabkan MPSP akan membuat pembelian kenderaan bagi menggantikan kenderaan lama bagi menambahbaik perkhidmatan MPSP kepada warga Seberang Perai. Di samping itu, perbelanjaan ini juga merangkumi pembelian alat-alat mesin kejuruteraan, alat-alat pejabat serta perkakasan dan perisian komputer.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

### **Penutup**

85. Pada tahun 2017, saya mencadangkan peruntukan berjumlah **RM279.13 juta** berbanding anggaran pendapatan sebanyak **RM257.32 juta**. Ini bermakna pada tahun 2017, saya mencadangkan  **bajet defisit** berjumlah **RM21.81 juta**.
86. Bagi meneruskan perkhidmatan perbandaran yang terbaik serta tanggungjawab sosial MPSP kepada warga Seberang Perai, maka bajet defisit masih relevan dan tidak dapat dielakkan. MPSP sentiasa mengamalkan perbelanjaan yang berhemah serta penjimatan dalam membuat perbelanjaan di samping meningkatkan kutipan hasil MPSP.
87. Melalui program-program yang dilaksanakan, MPSP akan menggembleng segala usaha dan tenaga bagi merealisasikan pencapaian pada tahun hadapan di samping memberikan

perkhidmatan yang terbaik kepada warga Seberang Perai dan pelanggan.

88. MPSP juga akan terus mengamalkan budaya pengurusan kewangan yang teratur dan cekap dengan menerapkan amalan perbelanjaan berhemah dan **“value for money”** bagi mengelakkan pembaziran dan seterusnya meningkatkan akauntabiliti dan integriti di dalam pengurusan kewangan MPSP.
89. Bajet defisit menunjukkan MPSP mempunyai tanggungjawab yang amat besar untuk dilaksanakan demi kesejahteraan penduduk dan kemajuan Seberang Perai terutamanya bagi kerja-kerja pembersihan dan pelupusan sampah, penyelenggaraan jalan, perparitan, lampu jalan, lampu isyarat dan pembaikan-pembaikan kemudahan awam. Defisit yang dicadangkan ini akan ditampung daripada Kumpulan Wang Majlis adalah mencukupi untuk membiayai defisit pada tahun 2017.
90. Berdasarkan kepada pembentangan di atas berserta justifikasi-justifikasi yang telah dibentangkan, saya memohon mencadangkan supaya bajet Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi tahun 2017 yang telah dibentang ini, untuk ditimbang dan diluluskan di dalam Majlis ini seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 55 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

91. Oleh yang demikian, dengan amanah dan tanggungjawab yang telah diperuntukkan, saya memohon Majlis Penuh hari ini menimbang dan meluluskan Bajet MPSP untuk tahun 2017 seperti berikut: -

	<u>RM</u>
Pendapatan	: 257,316,367
Perbelanjaan	: 279,130,208
<b>Defisit</b>	<b>: (21,813,841)</b>

92. Saya mohon mencadangkan. Saya sudahi ucapan saya dengan serangkap pantun: -

**Tarikan bersejarah Masjid Papan  
Letaknya pula dekat seberang  
Kehidupan inklusif pembangunan mampan  
Seberang Perai membangun masa hadapan Pulau Pinang**

Wabillahi Taufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

**DATO' MAIMUNAH MOHD SHARIF** DSPN,DJN,AMN,BCN,PKT,PJK  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Seberang Perai